

**POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ
SHAH**

**ANALISA KEPERLUAN PROGRAM DIPLOMA
TEKNOLOGI BERASASKAN KAYU DI POLITEKNIK
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
: SATU KAJIAN**

JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

DARSANAA A/P MANOGARAN (08DBK22F1070)

NUR ALYA HAYANI BINTI AZRI (08DBK22F1007)

NUR ALYA SYUHADA BINTI RADZALI (08DBK22F1013)

SOFIA MAISARAH BINTI MOHD REFINDI (08DBK22F1043)

SESI I : 2024/2025

**POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ
SHAH**

**ANALISA KEPERLUAN PROGRAM DIPLOMA
TEKNOLOGI BERASASKAN KAYU DI POLITEKNIK
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
: SATU KAJIAN**

DARSANAA A/P MANOGARAN (08DBK22F1070)

NUR ALYA HAYANI BINTI AZRI (08DBK22F1007)

NUR ALYA SYUHADA BINTI RADZALI (08DBK22F1013)

SOFIA MAISARAH BINTI MOHD REFINDI (08DBK22F1043)

Laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Kejuruteraan Awam sebagai
memenuhi sebahagian syarat penganugerahan Diploma Teknologi Berasaskan
Kayu

JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

SESI I : 2024/2025
AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK
TAJUK PROJEK

1. Saya, Darsanaa A/P Manogaran (030702-14-0866) adalah pelajar Diploma Teknologi Berasaskan Kayu , Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, yang beralamat di Persiaran Usahawan, Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor

Saya, Nur Alya Hayani Binti Azri (041120-08-0676) adalah pelajar Diploma Teknologi Berasaskan Kayu , Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, yang beralamat di Persiaran Usahawan, Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor

Saya, Nur Alya Syuhada Binti Radzali (041006-11-0544) adalah pelajar Diploma Teknologi Berasaskan Kayu , Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, yang beralamat di Persiaran Usahawan, Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor

Saya, Sofia Maisarah Binti Mohd Refindi (040316-14-0138) adalah pelajar Diploma Teknologi Berasaskan Kayu , Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, yang beralamat di Persiaran Usahawan, Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor

2. Saya mengakui bahawa Kajian Analisa Keperluan Program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah : Satu Kajian dan harta intelek yang ada didalamnya adalah hasil karya / rekapipta asli saya tanpa mengambil atau meniru mana-mana harta intelek daripada pihak-pihak lain.
3. Saya bersetuju melepaskan pemilikan harta intelek Kajian Analisa Keperluan Program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah : Satu Kajian kepada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bagi memenuhi keperluan untuk menganugerahkan kepada saya.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui	)	
oleh yang tersebut;	)	
Darsanaa A/P Manogaran	)	
(No. Kad Pengenalan :- (030702-14-0866)	)	Darsanaa A/P Manogaran

Nur Alya Hayani Binti Azri	)	
(No. Kad Pengenalan :- (041120-08-0676)	)	Nur Alya Hayani Binti Azri

Nur Alya Syuhada Binti Radzali	)	
(No. Kad Pengenalan :- (041006-11-0544)	)	Nur Alya Syuhada Binti Radzali

Sofia Maisarah Binti Mohd Refindi	)	
(No. Kad Pengenalan :- (040316-14-0138)	)	Sofia Maisarah Binti Mohd Refindi

	)	
Di hadapan saya, Puan Rafidah Farah Hanim Bt Abd	)	
Razak (740417-01-5106) sebagai penyelia projek	)	
pada tarikh: 08/12/2023		Puan Rafidah Farah Hanim Bt Abd Razak

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Alhamdulillah, Bersyukur ke hadrat Ilahi yang maha pengasih lagi maha penyayang, dengan izin-Nya memberi peluang kepada kami untuk menyiapkan Projek Tahun Akhir ini. Projek ini hanya dapat dicapai kerana bantuan dan sokongan ramai orang. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua orang atas bantuan mereka.

Puan Rafidah Farah Hanim Bt Abd Razak , yang menyelia pengajian dan penyelidikan kami, adalah orang pertama yang kami ingin ucapkan terima kasih atas segala bantuan dan sokongan beliau. Kami berterima kasih atas masa dan usaha beliau dalam membantu kami untuk menyiapkan projek ini, terutamanya semasa fasa penyelidikan dan penulisan laporan. Sepanjang projek ini, kesabaran dan sokongan beliau amat dihargai.

Di samping itu, , penyelaras projek tahun akhir, dan semua pensyarah dipuji atas segala usaha memberikan penerangan dan syarahan mengenai projek tersebut.

Akhir kata, kepada ibu bapa, saudara mara dan rakan-rakan terdekat, kami ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas sokongan yang tidak berbelah bahagi sepanjang kajian ini dijalankan. Tanpa sokongan dan dorongan berterusan mereka, projek kami tidak akan berjaya

ABSTRAK

Program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK) diwujudkan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dan Politeknik Kota Kinabalu (PKK) untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan teori, kemahiran teknikal, dan tingkah laku profesional dalam bidang teknologi perkayuan. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan kemasukan pelajar ke program ini, yang mencetuskan keperluan untuk mengkaji perspektif terhadap program DBK, mengenal pasti punca penurunan tersebut, serta mencari langkah-langkah penambahbaikan. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan campuran dengan soal selidik yang disebarkan kepada alumni, industri, ibu bapa, dan pelajar SPM untuk mendapatkan pandangan menyeluruh mengenai keperluan dan daya tarikan program ini. Data dianalisis secara statistik untuk mengenal pasti trend dan persepsi utama. Hasil kajian menunjukkan bahawa industri menyokong pengekalan program DBK dan menganggapnya sebagai program penting untuk memenuhi keperluan tenaga kerja. Pandangan positif turut disuarakan oleh pelajar SPM dan alumni yang melihat program ini sebagai pilihan yang relevan dan sejajar dengan keperluan pasaran. Bagaimanapun, ibu bapa berpendapat bahawa kurangnya pendedahan dan promosi menyebabkan program ini kurang dikenali. Oleh itu, mereka mencadangkan penggunaan platform media sosial seperti TikTok dan Instagram untuk meningkatkan kesedaran dan menarik minat lebih ramai pelajar. Kesimpulannya, program DBK mempunyai potensi untuk menyediakan peluang kerjaya yang mampan dan berdaya saing dengan sokongan yang kuat daripada pihak industri dan kerjasama strategik dalam promosi. Antara cadangan utama adalah membina laman sosial khusus untuk program DBK bagi menonjolkan aktiviti dan prospek kerjaya yang ditawarkan, sekaligus menarik minat generasi muda dan meningkatkan penglibatan ibu bapa.

Kata kunci : Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK) , Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) , penurunan kemasukan pelajar , industri perkayuan , perspektif program , promosi dan pendedahan program , media sosial , relevansi dengan keperluan pasaran , persepsi pelajar , alumni , ibu bapa , kerjasama industri dan institusi , strategi menarik minat pelajar dan analisis statistik data.

ABSTRACT

The Wood-Based Technology Diploma Program (DBK) was created at Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Polytechnic (PSA) and Kota Kinabalu Polytechnic (PKK) to equip students with theoretical knowledge, technical skills, and professional behavior in the field of wood technology. However, there is a decline in student enrollment in this program, which triggers the need to examine the perspective of the DBK program, identify the cause of the decline, and find improvement measures. This study uses a mixed research approach with questionnaires distributed to alumni, industry, parents, and SPM students to obtain a comprehensive view of the needs and attractiveness of this program. The data is analyzed statistically to identify trends and key perceptions. The results of the study show that the industry supports the retention of the DBK program and considers it an important program to meet the needs of the workforce. Positive views were also voiced by SPM students and alumni who saw this program as a relevant option and in line with market needs. However, parents think that the lack of exposure and promotion makes the program less known. Therefore, they suggest the use of social media platforms such as TikTok and Instagram to raise awareness and attract more students. In conclusion, the DBK program has the potential to provide sustainable and competitive career opportunities with strong support from the industry and strategic collaboration in promotion . Among the main recommendations is to build a social site specifically for the DBK program to highlight the activities and career prospects offered, while also attracting the interest of the younger generation and increasing the involvement of parents.

Keywords: Wood-Based Technology Diploma (DBK), Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Polytechnic (PSA), declining student enrollment, timber industry, program perspective, program promotion and exposure, social media, relevance to market needs, student perception, alumni, mothers father, industry and institutional collaboration, strategies to attract students and statistical analysis of data.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK	iii-iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi-vii
	SENARAI KANDUNGAN	viii-ix
	SENARAI JADUAL	x
	SENARAI RAJAH	xi
	SENARAI GRAF	xii
	SENARAI CARTA	xiii-xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
1	PENGENALAN	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Projek / Kajian	2
	1.3 Pernyataan Masalah	3-4
	1.4 Objektif Kajian	4
	1.5 Skop Kajian	5
	1.6 Kepentingan Kajian	5
	1.7 Rumusan	6
2	KAJIAN LITERATUR	7
	2.1 Pengenalan Bab	7-9
	2.2 Kajian Terdahulu	9
	2.2.1 Kajian Keperluan Program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu di Polteknik Kota Kinabalu (PKK)	9-10
	2.3 Rumusan Bab	10
3	METODOLOGI KAJIAN	11
	3.1 Pendahuluan	11
	3.2 Kaedah Perlaksanaan Kajian	12
	3.3 Carta Gantt Aktiviti Kajian	13
	3.4 Reka Bentuk Kajian	14
	3.5 Pemilihan Sumber Data	15
	3.6 Prosedur Pengumpulan dan Analisis Data	15
	3.7 Rumusan Bab	16

4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	17
4.1	Pendahuluan	17
4.2	Dapatan Kajian / Pengujian	18
4.3	Analisa Data	19
4.3.1	Perspektif Pelajar SPM	19-32
4.3.2	Perspektif Ibu Bapa	33-54
4.3.3	Perspektif Alumni program DBK	55-72
4.3.4	Perspektif Industri Perakayuan	73-87
4.4	Perbincangan	88
4.5	Rumusan Bab	89
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	90
5.1	Pendahuluan	90
5.2	Kesimpulan Kajian	90-92
5.3	Cadangan Penambahbaikan Kajian	92
5.4	Rumusan Bab	92
	RUJUKAN	93-95
	LAMPIRAN 1	96-99
	LAMPIRAN 2	100-103
	LAMPIRAN 3	104-106
	LAMPIRAN 4	107-110

SENARAI JADUAL

Jadual 1	Jadual Intake Program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu dari Tahun 2014 hingga 2024
----------	---

SENARAI RAJAH

Rajah 1	Peta Minda Reka Bentuk Kajian
Rajah 2	Laman Media Sosial (Instagram) program DBK
Rajah 3	Laman Media Sosial (Tiktok) program DBK

SENARAI GRAF

Graf 1 Statistik Intake Program Teknologi Berasaskan Kayu dari Tahun 2014
hingga 2024

SENARAI CARTA

Carta 1	Carta Alir Kaedah / Langkah / Proses Perlaksanaan Kajian
Carta 2	Carta Gantt
Carta 3	Jantina Responden (Pelajar SPM)
Carta 4	Aliran Pengajian
Carta 5	Kesedaran penawaran program
Carta 6	Pertimbangan kerjaya atau pendidikan
Carta 7	Bidang menarik dalam program
Carta 8	Permintaan untuk kepakaran
Carta 9	Laluan kerjaya
Carta 10	Penawaran program TVET
Carta 11	Kemahiran dan bidang pengetahuan
Carta 12	Cabaran dalam program
Carta 13	Impak positif kepada industri perkayuan
Carta 14	Menyertai program teknologi Berasaskan Kayu
Carta 15	Sebab tidak ingin memasuki program DBK
Carta 16	Medium untuk mewujudkan kesedaran
Carta 17	Umur Responden (Ibu Bapa)
Carta 18	Jantina Responden (Ibu Bapa)
Carta 19	Pengajian tertinggi responden (Ibu Bapa)
Carta 20	Pekerjaan Responden
Carta 21	Pendapatan Bulanan Keluarga Responden
Carta 22	Bilangan Anak Responden
Carta 23	Status hubungan dengan anak
Carta 24	Pengetahuan tentang program DBK di institusi tinggi atau di PSA
Carta 25	Penawaran program atau kursus-kursus TBK yang ditawarkan di institusi pendidikan pada masa ini
Carta 26	Program DBK kurang popular di sekolah anak responden
Carta 27	Pengetahuan ciri dan pengkhususan utama
Carta 28	Pengetahuan kemahiran dan pengetahuan khusus
Carta 29	Pengetahuan terdapat peluang untuk latihan praktikal dan pengalaman praktikal

Carta 30	Pengetahuan perkhidmatan sokongan yang tersedia untuk pelajar
Carta 31	Pengetahuan program DBK memastikan graduan dilengkapi dengan teknologi terkini dan trend industri dalam TBK
Carta 32	Pengetahuan prospek untuk melanjutkan pelajaran atau kemajuan kerjaya
Carta 33	Pengetahuan jenis kemahiran akademik dan praktikal
Carta 34	Pengetahuan peluang kerjaya dan potensi pertumbuhan untuk graduan DBK
Carta 35	Pengetahuan kemudahan yang tersedia
Carta 36	Pengetahuan jenis perkongsian industri atau latihan amali
Carta 37	Cabaran atau halangan yang menghalang lebih ramai pelajar daripada menyertai program DBK di PSA
Carta 38	Cara program DBK dipromosikan dengan lebih baik
Carta 39	Tahun Graduasi
Carta 40	Jantina (Alumni program DBK)
Carta 41	Sektor Pekerjaan
Carta 42	Pendapatan Bulanan
Carta 43	Usia (Alumni program DBK)
Carta 44	Bidang Pekerjaan (Alumni program DBK)
Carta 45	Bidang Dominan
Carta 46	Bidang TBK yang menjadi trend
Carta 47	Peningkatan Kerjaya
Carta 48	Penawaran Sijil Kompetensi
Carta 49	Kesiapan Diri Menceburi Bidang Keusahawanan
Carta 50	Bidang Softskills
Carta 51	Kerelevanan Bidang TBK
Carta 52	Penjenamaan Semula
Carta 53	Promosi Program
Carta 54	Sektor (Industri Perkayuan)
Carta 55	Tempoh syarikat beroperasi dalam industri berasaskan kayu
Carta 56	Bilangan pekerja lepasan Diploma
Carta 57	Pendapatan bulanan pekerja lepasan Diploma
Carta 58	Penawaran program atau kursus-kursus TBK di institusi pendidikan pada masa ini

- Carta 59 Mengambil graduan yang berkemahiran dan mempunyai kecekapan dalam bidang TBK
- Carta 60 Keperluan para graduan yang mempunyai kemahiran teknikal atau bidang perkayuan
- Carta 61 Pengalaman latihan praktikal
- Carta 62 Keperluan terlibat dalam sebarang kerjasama atau perkongsian dengan institusi pendidikan
- Carta 63 Kerjasama atau perkongsian dari industri
- Carta 64 Menyediakan latihan amali atau penempatan industri
- Carta 65 Terdapat permintaan yang tinggi untuk tenaga kerja yang mempunyai kemahiran
- Carta 66 Kemahiran yang paling diutamakan bagi graduan program DBK
- Carta 67 Program DBK boleh menyumbang kepada peningkatan daya saing industri
- Carta 68 Kepentingan untuk memupuk kemahiran teknikal

SENARAI SINGKATAN

DBK - Diploma Teknologi Berasaskan Kayu

TBK - Teknologi Berasaskan Kayu

PSA – Politeknik Shah Alam

SPSS - Statistical Package for the Social Sciences

PNA – Programme Needed Analysis

JHEP - Jabatan Hal Ehwal Pelajar

PKK – Politeknik Kota Kinabalu

TVET - Technical and Vocational Education and Training

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Program Teknologi Berasaskan Kayu diwujudkan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) pada tahun 1999 dan pada tahun 2005 di Politeknik Kota Kinabalu (PKK). Program pengajian Diploma Teknologi Berasaskan Kayu direka bentuk untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan teoritikal, kemahiran teknikal dan tingkah laku yang diperlukan dalam bidang teknologi perkayuan. Pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran program pengajian ini dijalankan di bilik kuliah, bengkel dan industri berkaitan yang meliputi skop kerja di dalam industri perkayuan meliputi aspek sains kayu, kejuruteraan kayu dan teknologi pemprosesan kayu yang merangkumi jenis dan ciri-ciri kayu, penggunaan dan produk kayu, peralatan dan teknologi terkini dalam industri berasaskan kayu. Kemahiran insaniah, kemahiran berkomunikasi dan kerja berpasukan juga diterapkan kepada pelajar supaya mereka dapat berkomunikasi, berinteraksi dan bekerja secara berpasukan dengan penuh bertanggungjawab dan berkesan. Segala pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi oleh pelajar amat berguna untuk membina kerjaya ataupun melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dalam bidang teknologi perkayuan.

Peluang pekerjaan pelajar selepas menamatkan pengajian dengan Diploma Teknologi Berasaskan Kayu adalah seperti Pereka Produk Kayu, Juruteknik Penggred Kayu, Pembantu Makmal, Pegawai Kawalan dan Jaminan Kualiti, Penyelia, Penolong Pegawai Pemasaran, Penolong Pegawai Penyelidik, Pengusaha Produk Kayu. Walaubagaimanapun, terdapat penurunan kemasukan pelajar ke program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu.

1.2 Latar Belakang Kajian

Industri berasaskan kayu merupakan komponen penting dalam ekonomi negara kerana ia menyumbang kepada pembangunan mampan dan menyokong pelbagai sektor, termasuk pembinaan dan pembuatan perabot. Walaupun bidang ini menawarkan bidang kerjaya yang stabil dan kepakaran yang diperlukan untuk menyokong pertumbuhan industri hijau, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah kini menghadapi penurunan jumlah pelajar yang mendaftar dalam program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu.

Trend penurunan kemasukan pelajar ini memberi kesan kepada bekalan tenaga kerja mahir dalam industri ini dan boleh menjejaskan keupayaan sektor kayu untuk bersaing dan berkembang secara mampan. Antara faktor yang berkemungkinan menyumbang kepada penurunan ini ialah persepsi negatif terhadap industri kayu, kurangnya pendedahan tentang peluang kerjaya dalam bidang ini, dan perubahan dalam minat generasi muda yang lebih cenderung kepada bidang teknologi dan kejuruteraan yang lebih popular. Selain itu, tahap kesedaran tentang kepentingan kemahiran dalam teknologi berasaskan kayu serta peranannya dalam pembangunan lestari masih rendah dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui perspektif terhadap program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu, untuk mengetahui punca-punca kemasukan pelajar ke program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu semakin berkurangan dan untuk mencari inisiatif atau langkah-langkah untuk menambah baik kualiti program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu. Melalui penemuan ini, diharapkan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dan pihak industri dapat merangka strategi yang lebih efektif untuk menarik pelajar, sekaligus memastikan kesinambungan tenaga kerja mahir dalam industri berasaskan kayu yang mampan.

1.3 Pernyataan Masalah

Penurunan bilangan pelajar yang mendaftar dalam program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah semakin ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Situasi ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan institusi pendidikan dan pihak industri kerana kekurangan graduan dalam bidang ini boleh membawa kepada kekurangan tenaga kerja mahir, yang diperlukan untuk menyokong perkembangan dan inovasi dalam industri kayu. Sekiranya isu ini tidak ditangani, industri kayu berpotensi menghadapi cabaran besar untuk memenuhi permintaan tenaga kerja berkualiti, kurangnya pendedahan awal mengenai peluang kerjaya dalam bidang kayu, serta daya tarikan bidang lain yang lebih popular di kalangan pelajar.

TAHUN	Dept Code	Program Code	Intake
2014	JKA	DBK	34
2015	JKA	DBK	147
2016	JKA	DBK	60
2017	JKA	DBK	85
2018	JKA	DBK	81
2019	JKA	DBK	81
2020	JKA	DBK	24
2021	JKA	DBK	51
2022	JKA	DBK	58
2023	JKA	DBK	17
2024	JKA	DBK	118

Jadual 1: Jadual Intake Program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu dari Tahun 2014 hingga 2024



Graf 1: Statistik Intake Program Teknologi Berasaskan Kayu dari Tahun 2014 hingga 2024

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk memahami faktor-faktor yang menyumbang kepada penurunan bilangan pelajar dalam program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu dan seterusnya mencadangkan langkah-langkah bagi menarik minat generasi muda dalam bidang ini. Sehubungan dengan itu, objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.4.1** Untuk mengetahui akan punca-punca yang membawa kepada trend penurunan kemasukan pelajar ke program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK)
- 1.4.2** Untuk mencari inisiatif atau langkah-langkah penambahbaikan program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK)

1.5 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meneliti faktor-faktor yang menyumbang kepada penurunan bilangan pelajar dalam program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Kajian ini memfokuskan kepada pelajar sekolah menengah terutamanya pelajar SPM, ibu bapa pelajar, alumni Diploma Teknologi Berasaskan Kayu dan industri untuk mendapatkan perspektif menyeluruh mengenai minat dan persepsi terhadap program ini. Untuk mencapai objektif kajian ini kami menggunakan soal selidik (questionnaire). Kajian ini perlu dicapai sehingga 250 responden , walau bagaimanapun sebanyak 581 responden telah berjaya dikumpulkan atau melebihi sasaran awal. Kajian ini dijalankan dalam tempoh empat hingga enam bulan , meliputi pengumpulan data melalui soal selidik dan analisis data.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah kerana ia dapat menyumbang kepada pembangunan dan peningkatan program tersebut. Melalui kajian ini, program ini dapat dikenali dengan lebih meluas oleh orang luar, termasuk pelajar yang berpotensi, institusi-institusi lain dan pihak industri serta meningkatkan daya tarikannya sebagai pilihan yang relevan dengan keperluan semasa. Di samping itu, hasil kajian ini dapat menyediakan data dan panduan untuk penambahbaikan program, seperti mengenal pasti teknologi baru , teknik pengajaran yang berkesan , atau bahan lestari yang sesuai untuk dimasukkan ke dalam kurikulum. Secara keseluruhannya, kajian ini bukan sahaja memberi manfaat akademik tetapi juga membantu meningkatkan reputasi dan daya saing program ini.

1.7 Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Dengan meneliti faktor-faktor yang menyumbang kepada penurunan minat pelajar dan meningkatkan kefahaman terhadap persepsi Masyarakat dan kajian ini menyediakan maklumat yang dapat membantu institusi dalam merangka strategi yang lebih efektif untuk menarik lebih ramai pelajar. Kajian ini juga bertujuan untuk memperkenalkan potensi dan prospek kerjaya dalam industri kayu kepada orang awam , sekali gus meningkatkan nilai dan kredibiliti program ini di mata masyarakat. Diharapkan, dapatan kajian ini dapat menjadi panduan bagi menambah baik kurikulum, memperkukuhkan kandungan pengajaran, serta membuka peluang latihan industri yang relevan, selaras dengan keperluan semasa industri kayu.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dahulunya dikenali sebagai Politeknik Shah Alam terletak di atas tanah seluas 112 ekar yang terletak di negeri Selangor. PSA merupakan politeknik ke-8 di Malaysia di bawah Program Bank Dunia dan mula beroperasi pada Januari 1997. Pada tahun 2002, PSA menukar namanya daripada Politeknik Shah Alam kepada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sempena nama Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong XI yang telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada 8 Mac 2002.

Pada September 1999, PSA menjadi politeknik pertama menerima pensijilan MS ISO 9002: 1994 SIRIM, yang kemudiannya dinaik taraf kepada MS 9001: 2000 pada 2002. Politeknik diwujudkan untuk menyokong usaha pendidikan teknikal dan vokasional negara, menawarkan pelbagai program teknikal, kejuruteraan dan berkaitan perniagaan. Program Teknologi Berasaskan Kayu diwujudkan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada tahun 1999 dan pada tahun 2005 di Politeknik Kota Kinabalu (PKK).

Tujuan Diploma Teknologi Berasaskan Kayu di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah adalah untuk memberi pelajar maklumat dan kebolehan yang mereka perlukan untuk memenuhi jangkaan sektor kayu. Adalah penting bahawa program pendidikan berubah seiring dengan industri hasil daripada keperluan pasaran, keadaan alam sekitar dan penambahbaikan teknikal. Dengan penekanan pada pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) dan, lebih-lebih lagi, program teknologi berasaskan kayu, kajian literatur ini cuba menilai badan penyelidikan tentang analisis keperluan untuk program pendidikan serta perspektif sjop kajian.

Tajuk kajian ini adalah Analisa Keperluan Program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah : Satu Kajian. Kami mendapatkan data kemasukan pelajar ke program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu dari tahun 2014 hingga 2024 dari JHEP (Jabatan Hal Ehwal Pelajar).

Dalam kajian ini, kerangka analisis keperluan digunakan untuk mengenal dan memahami persepsi skop kajian terhadap program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu. Kerangka ini membantu kajian untuk merancang mengetahui persepsi skop kajian dan membuat penambah baikkan.

Konsep yang digunakan untuk kajian ini adalah soal selidik melalui google form dan aplikasi perisian SPSS digunakan untuk menganalisa data. Soal selidik ini dibuat dengan berasaskan soalan-soalan daripada kajian PNA Politeknik Kota Kinabalu. Kajian ini merangkumi kajian kualitatif dan kuantitatif. S Roopa dan MS Rani (2012) mengatakan bahawa “soal selidik adalah cara utama untuk mengumpul data primer kuantitatif untuk dikumpul dengan cara yang standard supaya data secara dalaman sentiasa konsisten dan koheren untuk dianalisis.” Google form ini dihantar kepada responden dan seterusnya data dikumpul dan dianalisa menggunakan aplikasi SPSS iaitu "Statistical Package for the Social Sciences". M.Nagaiah (2015) mengatakan bahawa analisis data ialah proses memeriksa, membersihkan, mengubah dan memodelkan data dengan matlamat untuk menemui maklumat berguna, mencadangkan kesimpulan dan menyokong pembuatan keputusan.

Kajian literatur menunjukkan bahawa analisis keperluan adalah komponen penting dalam memastikan program pendidikan vokasional, seperti Diploma Teknologi Berasaskan Kayu. Banyak kajian menyokong bahawa program yang direka dengan mempertimbangkan pendidikan berasaskan kompetensi lebih berkesan dalam menyediakan graduan dengan kemahiran teknikal dan pengetahuan praktikal yang relevan. Selain itu, literatur menunjukkan bahawa penglibatan pihak berkepentingan, termasuk industri, ibu bapa, alumni dan pelajar, amat penting dalam mengenal pasti kemahiran yang kritikal serta jurang pengetahuan dalam program ini. Metodologi seperti soal selidik sering digunakan dalam analisis keperluan untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak yang terlibat secara langsung.

Kajian literatur ini menyediakan asas yang kukuh untuk melaksanakan analisis keperluan bagi program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Dengan memahami model analisis keperluan dan pendekatan berasaskan kompetensi yang disarankan dalam literatur, projek ini dapat dirancang untuk menilai sejauh mana persepsi responden terhadap program ini. Hasil daripada analisis ini akan membantu mengenal pasti peluang untuk penambahbaikan membolehkan program ini disesuaikan dengan keperluan kemahiran terkini, seterusnya meningkatkan kemasukan pelajar dalam program ini dan kebolehpasaran graduan dalam industri kayu.

Kajian literatur yang telah dikaji menekankan kepentingan menjalankan analisis keperluan yang menyeluruh bagi memastikan program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu selaras dengan permintaan industri semasa. Walaupun terdapat banyak kajian mengenai program TVET secara umum, terdapat kekurangan kajian yang memberi tumpuan khusus kepada teknologi berasaskan kayu. Projek ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan menjalankan analisis keperluan program yang merangkumi penglibatan pihak berkepentingan, penilaian trend industri semasa, dan kajian terhadap maklum balas pelajar. Hasil daripada projek ini akan memberikan pandangan yang praktikal untuk memperbaiki kurikulum, sekali gus mempersiapkan graduan dengan lebih baik bagi memenuhi tuntutan industri kayu yang sentiasa berkembang.

2.2 Kajian Terdahulu

2.3.1 Kajian Keperluan Program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu di Politeknik Kota Kinabalu (PKK)

Kajian ini dikemukakan oleh Biro Penyelidikan & Inovasi Politeknik Kota Kinabalu (PKK) , Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Tumpuan utama kajian ini adalah untuk mendapat maklum balas dari responden yang berkaitan mengenai keperluan , permintaan dan kebolehpasaran graduan dari program yang dicadangkan. Hasil dapatan maklum balas tersebut , didapati lebih 89% pihak industri , pelajar dan pensyarah bersetuju program ini dilaksanakan. Justifikasi membangunkan program tersebut adalah berdasarkan daripada hasil dapatan kajian data primer dan data sekunder yang positif , potensi untuk mengadakan kolaborasi dengan pihak swasta , kemudahan program SIP Pensyarah , reka bentuk kurikulum yang mengikut keperluan industri , menggunakan kaedah P&P selari dengan perkembangan teknologi masa kini dan pemilihan lokasi yang bersesuaian dengan kawasan industri.

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik dan kajian rintis yang melibatkan responden dari kalangan industri, alumni, pensyarah, serta pelajar sekolah. Hasil kajian mendapati bahawa 100% pihak industri menyokong keperluan pengetahuan teori dalam bidang Teknologi Berasaskan Kayu, manakala 60% responden menyatakan keperluan kemahiran asas praktikal telah dipenuhi (PKK, 2012). Justifikasi keperluan program ini adalah

berdasarkan kepada permintaan industri yang konsisten terhadap tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam bidang perkayuan di Sabah dan Malaysia amnya.

2.3 Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian terdahulu menunjukkan bahawa program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu telah mendapat sokongan positif daripada industri dan pihak akademik, yang menekankan keperluan untuk kemahiran teknikal dan teori yang relevan dalam memenuhi permintaan pasaran kerja. Kajian terdahulu juga menggariskan cabaran dalam meningkatkan minat pelajar terhadap program ini, yang dipengaruhi oleh kesedaran dan persepsi ibu bapa serta pelajar SPM.

Kajian kami meneruskan usaha ini dengan memberi tumpuan kepada beberapa perspektif yang lebih terperinci, termasuk pandangan alumni program DBK , ibu bapa , industri perkayuan serta pelajar SPM, untuk mengenal pasti punca-punca utama yang mendorong atau menghalang kemasukan dalam program ini. Dengan memahami isu-isu semasa dari sudut pandang pelbagai pihak, kajian ini diharapkan dapat menghasilkan cadangan penambahbaikan yang lebih komprehensif dan menyeluruh bagi meningkatkan kualiti serta daya tarikan program kepada generasi akan datang.


BAB 3

KAEDAH METADOLOGI

3.1 Pengenalan


Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti penurunan kemasukan pelajar dalam program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu yang semakin membimbangkan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Perubahan dalam pola minat pelajar ini bukan sahaja mempengaruhi kemasukan atau enrolmen pelajar dalam program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu tetapi juga berpotensi menjejaskan perkembangan industri yang memerlukan tenaga kerja mahir. Justeru , kajian ini bertujuan untuk menilai faktor-faktor yang mempengaruhi perspektif pelajar , ibu bapa , alumni program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu serta keperluan industri dan untuk mencari pendekatan yang lebih efektif bagi meningkatkan kualiti program serta menarik lebih ramai pelajar. Selain itu , kajian ini juga diharapkan dapat memberi gambaran yang lebih mendalam kepada pihak pengurusan dalam merangka strategi yang sesuai untuk mempromosikan program kepada golongan sasaran seperti ibu bapa dan pelajar sekolah menengah. Hasil daripada kajian ini akan dapat menyumbang kepada usaha-usaha peningkatan program bagi memastikan ia relevan dan seiring dengan kehendak industri serta aspirasi pembangunan negara.

3.2 Kaedah Perlaksanaan Kajian



Carta 1 : Carta Alir Kaedah / Langkah / Proses Perlaksanaan Kajian


3.3 Carta Gantt Aktiviti Kajian



Carta 2 : Carta Gantt

3.4 Reka bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini telah dirangka untuk memastikan proses pengumpulan dan analisis data dapat dilakukan dengan sistematik dan menyeluruh bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif yang dipilih berdasarkan kesesuaian untuk mengumpul data yang mendalam atau statistik yang signifikan. Dengan pendekatan ini, kajian berupaya untuk mengenal pasti perspektif pelajar, ibu bapa, industri perkayuan dan alumni Diploma Teknologi Berasaskan Kayu yang memberi kesan kepada program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Proses reka bentuk kajian ini melibatkan beberapa fasa penting, termasuk pemilihan sampel, pengedaran instrument kajian seperti soal selidik serta analisis data menggunakan aplikasi SPSS. Setiap fasa direka bentuk dengan teliti untuk memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan data yang dikumpul. Di samping itu, kajian ini juga mengambil kira aspek etika dalam pengumpulan data untuk melindungi kerahsiaan dan kepentingan responden. Dengan reka bentuk yang sistematik ini, kajian diharapkan dapat menghasilkan dapatan yang tepat dan bermanfaat dalam meningkatkan kemasukan pelajar dalam program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu serta memenuhi keperluan industri.



Rajah 1 : Peta Minda Reka Bentuk Kajian

3.5 Pemilihan Sumber Data

Pemilihan sumber data dalam kajian ini dilakukan dengan teliti untuk memastikan data yang diperoleh adalah relevan dan mewakili populasi kajian. Sampel yang terpilih terdiri daripada pelajar tingkatan 5 atau pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) , ibu bapa , alumni program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK) dan industri perkayuan yang mempunyai pengalaman atau pengetahuan berkaitan dengan kemasukan pelajar ke program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK) di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Kriteria pemilihan responden termasuk umur , tahap pendidikan atau pengalaman dalam bidang perkayuan , bagi memastikan perspektif yang diberikan sesuai dengan matlamat kajian. Saiz sampel yang dirancang adalah sebanyak 250 responden , yang diharapkan mencukupi untuk mendapatkan pandangan yang mewakili populasi. Data akan dikumpulkan melalui kaedah soal selidik , yang akan memudahkan pengumpulan maklumat secara menyeluruh dan memberikan data yang boleh dianalisis secara mendalam. Dengan pemilihan sampel dan sumber data yang teliti , diharapkan kajian ini dapat menghasilkan dapatan yang tepat dan berkualiti tinggi untuk menyokong objektif yang telah ditetapkan.

3.6 Prosedur Pengumpulan dan Analisis Data

Prosedur pengumpulan data dalam kajian ini dijalankan melalui beberapa Langkah yang sistematik untuk memastikan data yang diperoleh adalah sahih dan relevan dengan objektif kajian. Data dikumpulkan menggunakan kaedah soal selidik yang telah direka bentuk untuk menilai persepsi pelajar SPM , ibu bapa , alumni program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK) dan industri perkayuan. Soal selidik diedarkan kepada pelajar tingkatan 5 atau pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) , ibu bapa , alumni program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK) dan industri perkayuan secara atas talian seperti aplikasi Google Form dan E-mail dalam tempoh 8 minggu. Setelah data dikumpulkan , analisis data dilakukan menggunakan kaedah analisis seperti perisian analisis statistik (SPSS) untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh tentang punca-punca yang membawa kepada trend penurunan kemasukan pelajar ke program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK) dan langkah-langkah penambakan program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK). Hasil analisis ini kemudiannya akan digunakan untuk menjawab persoalan kajian serta memberikan cadangan yang relevan untuk penambahbaikan program atau peningkatan enrolmen.

3.7 Rumusan

Secara keseluruhannya , metodologi yang dirancang dalam kajian ini memberikan panduan yang sistematik dalam proses pengumpulan dan analisis data untuk mencapai objektif kajian. Setiap langkah dalam metodologi , daripada pemilihan sampel hingga kepada prosedur pengumpulan data telah disusun dengan teliti untuk memastikan data yang diperoleh adalah sah dan boleh dipercayai. Kaedah soal selidik yang diterapkan dalam kajian ini membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat yang mendalam dan terperinci mengenai penurunan kemasukan pelajar ke program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK). Dengan pemilihan responden yang sesuai dan instrumen kajian yang dirangka khusus untuk tujuan ini , kajian ini diharapkan dapat memberikan dapatan yang relevan dan bermakna.

Di samping itu , metodologi ini juga merangkumi langkah-langkah analisis data yang sesuai untuk menterjemahkan maklumat mentah kepada bentuk yang lebih teratur dan mudah difahami. Dengan menggunakan perisian analisis data seperti perisian SPSS , dapatan yang diperoleh daripada data akan dianalisis secara menyeluruh untuk mengesan faktor-faktor penting yang berkaitan dengan objektif kajian. Metodologi ini bukan sahaja menyokong proses kajian dengan memastikan kesahihan data tetapi juga membantu dalam menghasilkan rumusan yang boleh menyumbang kepada penambahbaikan program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK). Keseluruhan prosedur metodologi ini diharapkan dapat menyediakan asas yang kukuh bagi mencapai hasil kajian yang berkualiti dan boleh dijadikan rujukan untuk kajian masa depan dalam bidang yang sama. Semua data kajian yang diperoleh akan dianalisis dan dibincangkan oleh kami dalam bab seterusnya iaitu bab 4.

BAB 4

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini membentangkan dapatan utama yang diperoleh daripada analisis data yang dikumpulkan , selaras dengan objektif kajian. Hasil kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian analisis , contohnya SPSS untuk mengenal pasti faktor utama yang berkaitan dengan penurunan kemasukan pelajar ke program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK) di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dari setiap perspektif iaitu pelajar SPM , ibu bapa , alumni program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK) dan industri perkayuan. Dapatan kajian ini dikategorikan mengikut tema utama yang muncul , diikuti dengan perbincangan mendalam bagi setiap dapatan untuk menjelaskan implikasinya terhadap penurunan kemasukan pelajar ke program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK). Perbincangan ini turut merujuk kepada kajian lepas dan teori yang relevan bagi menilai kesesuaian serta kepentingan hasil yang diperoleh dalam konteks kajian ini

4.2 DAPATAN KAJIAN / PENGUJIAN


Dapatan kajian ini menunjukkan beberapa hasil penting yang berkaitan dengan objektif kajian kami iaitu untuk mengambil tahu akan punca-punca yang membawa kepada trend penurunan kemasukan pelajar ke program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu dan untuk mencari inisiatif atau Langkah-langkah penambahbaikan program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu. Analisis data yang dijalankan melalui analisis statistik iaitu menggunakan perisian SPSS mendapati bahawa dapatan dapada perspektif pelajar SPM majoritinya melihat program ini relevan dan perlu diteruskan dengan ini insiatif yang betul sperti promosikan program melaui platform media sosial , program ini berpotensi untuk menarik minat ramai calon pelajar. Persepsi ini selaras dengan hasil kajian terdahulu dari Politeknik Kota Kinabalu yang dijalankan melalui ‘Programme Needed Analysis DBK’ yang mendapati bahawa program ini memenuhi keperluan pasaran dan memiliki potensi untuk menarik pelajar jika dipromosikan dengan cara yang sesuai.

Selain itu , hasil kajian ini turut mendedahkan beberapa penemuan yang tidak dijangka berkaitan dengan prospek yang ada dalam program DBK dan juga peluang kerjaya selepas tamat pengajian bidang DBK dari segi perspektif ibu bapa. Berdasarkan pandangan ibu bapa , program DBK dilihat berpotensi besar untuk memberikan asas kukuh kepada pelajar dalam industri perkayuan , seterusnya meningkatkan kebolehpasaran mereka. Dari segi perspektif alumni program DBK , majoriti memberikan pandangan yang positif yang membuktikan keberkesanan graduan DBK dan juga berpandangan bahawa program DBK masih relevan dan boleh diteruskan tetapi dengan penambahbaikan. Selain itu , industri perkayuan juga menunjukkan majoriti menyokong pengekaln dan pengukuhan program DBK di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Program ini dinyatakan relevan bagi memnuhi keperluan industri dan program ini masih boleh diteruskan. Penemuan ini menambah dimensi baru dalam pemahaman mengenai potensi program DBK dan boleh dijadikan panduan dalam memperkukuhkan strategi penambahbaikan program serta pendekatan promosi yang lebih menyeluruh.

4.3 ANALISA DATA

4.3.1 Perspektif Pelajar Tingkatan 5 atau Pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

		Jantina			
		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	lelaki	104	40.0	40.0	40.0
	perempuan	156	60.0	60.0	100.0
	Total	260	100.0	100.0	




Carta 3 : Jantina Responden

Carta di atas menunjukkan bahawa soal selidik ini dijawab oleh 104 pelajar lelaki SPM (40.0%) dan 156 pelajar perempuan SPM (60.0%).

Aliran pengajian

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sains tulen	36	13.8	13.8	13.8
	sains teknikal	27	10.4	10.4	24.2
	perniagaan	40	15.4	15.4	39.6
	akauns	48	18.5	18.5	58.1
	seni	38	14.6	14.6	72.7
	ekonomi	29	11.2	11.2	83.8
	agama	23	8.8	8.8	92.7
	sastera	19	7.3	7.3	100.0
	Total	260	100.0	100.0	




Carta 4 : Aliran Pengajian

Carta ini menunjukkan bahawa aliran pengajian responden. Sebanyak 36 responden (13.8%) merupakan aliran sains tulen. Aliran sains teknikal mempunyai 27 responden (10.4%) manakala aliran perniagaan mempunyai 40 responden (15.4%). Aliran akauns mempunyai 48 responden (18.5%) dan aliran seni mempunyai 38 responden (14.6%). Aliran ekonomi mempunyai 29 responden (11.2%), aliran agama mempunyai 23 responden (8.8%) dan aliran sastera mempunyai 19 responden (7.3%)

Saya tahu tentang penawaran program atau kursus-kursus teknologi berasaskan kayu yang ditawarkan di institusi pendidikan pada masa ini.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat tidak setuju	37	14.2	14.2	14.2
	tidak setuju	94	36.2	36.2	50.4
	setuju	93	35.8	35.8	86.2
	sangat setuju	36	13.8	13.8	100.0
	Total	260	100.0	100.0	

Saya tahu tentang penawaran program atau kursus-kursus teknologi berasaskan kayu yang ditawarkan di institusi pendidikan pada masa ini.




Carta 5 : Kesedaran penawaran program

Carta diatas menunjukkan bahawa 37 responden (14.2%) memilih pilihan sangat tidak setuju dan 94 responden (36.2%) memilih tidak setuju. Manakala, 93 responden (35.8%) memilih setuju dan 36 responden (13.8%) memilih sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa kesedaran dalam kalangan pelajar SPM adalah kurang mengenai tawaran program ini di institusi pendidikan.

Saya akan mempertimbangkan untuk meneruskan kerjaya atau pendidikan dalam bidang teknologi berasaskan kayu

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat tidak setuju	21	8.1	8.1	8.1
	tidak setuju	92	35.4	35.4	43.5
	setuju	104	40.0	40.0	83.5
	sangat setuju	43	16.5	16.5	100.0
	Total	260	100.0	100.0	

Saya akan mempertimbangkan untuk meneruskan kerjaya atau pendidikan dalam bidang teknologi berasaskan kayu.




Carta 6 : Pertimbangan kerjaya atau pendidikan

Carta diatas menunjukkan bahawa 21 responden (8.1%) memilih sangat tidak setuju dan 92 responden memilih tidak setuju. Sebanyak 104 responden (40.0%) memilih setuju dan 43 responden (16.5%) memilih sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa majoriti mempertimbangkan untuk meneruskan kerjaya atau pendidikan dalam bidang teknologi berasaskan kayu.

Bidang yang terdapat di dalam program teknologi berasaskan kayu menarik minat saya untuk sambung pengajian. (contohnya: sains perkayuan, reka bentuk dan inovasi produk, pemprosesan kayu, pengurusan, penghasilan kertas, pembuatan perabot).

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat tidak setuju	19	7.3	7.3	7.3
	tidak setuju	79	30.4	30.4	37.7
	setuju	106	40.8	40.8	78.5
	sangat setuju	56	21.5	21.5	100.0
	Total	260	100.0	100.0	

Bidang yang terdapat di dalam program teknologi berasaskan kayu menarik minat saya untuk sambung pengajian. (contohnya: sains perkayuan, reka bentuk dan inovasi produk, pemprosesan kayu, pengurusan, penghasilan kertas, pembuatan perabot).




Carta 7 : Bidang menarik dalam program

Carta diatas menunjukkan bahawa 19 responden (7.3%) memilih sangat tidak setuju dan 79 responden (30.4%) memilih tidak setuju. Manakala 106 responden (40.8%) memilih setuju dan 56 responden (21.5%) memilih sangat setuju. Dengan ini, kita dapat tahu bahawa majoriti responden mengatakan bahawa bidang yang terdapat dalam program teknologi berasaskan kayu menarik minat mereka untuk sambung pengajian.

Saya percaya bahawa terdapat permintaan untuk profesional dengan kepakaran dalam teknologi berasaskan kayu di pasaran kerja pada hari ini.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat tidak setuju	18	6.9	6.9	6.9
	tidak setuju	73	28.1	28.1	35.0
	setuju	104	40.0	40.0	75.0
	sangat setuju	65	25.0	25.0	100.0
	Total	260	100.0	100.0	

Saya percaya bahawa terdapat permintaan untuk profesional dengan kepakaran dalam teknologi berasaskan kayu di pasaran kerja pada hari ini.




Carta 8 : Permintaan untuk kepakaran

Carta ini menunjukkan 18 responden (6.9%) memilih sangat tidak setuju dan 73 responden (28.1%) memilih tidak setuju. Manakala 104 responden (40.0%) memilih setuju dan 65 responden (25.0%) memilih sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa majoriti percaya bahawa terdapat permintaan untuk profesional dengan kepakaran dalam teknologi berasaskan kayu di pasaran kerja pada hari ini.

Saya yakin bahawa graduan akan mempunyai pelbagai laluan kerjaya yang tersedia untuk mereka.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat tidak setuju	28	10.8	10.8	10.8
	tidak setuju	72	27.7	27.7	38.5
	setuju	94	36.2	36.2	74.6
	sangat setuju	66	25.4	25.4	100.0
	Total	260	100.0	100.0	

Saya yakin bahawa graduan akan mempunyai pelbagai laluan kerjaya yang tersedia untuk mereka.




Carta 9 : Laluan kerjaya

Carta ini menunjukkan 28 responden (10.8%) memilih sangat tidak setuju dan 72 responden (27.7%) memilih tidak setuju. Seramai 94 responden (36.2%) memilih setuju dan 66 responden (25.4%) memilih sangat setuju. Dengan ini, kita dapat tahu bahawa pelajar SPM mempunyai harapan yang graduan dalam teknologi berasaskan kayu akan mempunyai pelbagai laluan kerja tersedia.

Adalah sangat penting bagi institusi pendidikan untuk menawarkan program-program TVET khusus seperti kursus teknologi berasaskan kayu.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat tidak setuju	15	5.8	5.8	5.8
	tidak setuju	56	21.5	21.5	27.3
	setuju	111	42.7	42.7	70.0
	sangat setuju	78	30.0	30.0	100.0
	Total	260	100.0	100.0	

Adalah sangat penting bagi institusi pendidikan untuk menawarkan program-program TVET khusus seperti kursus teknologi berasaskan kayu.




Carta 10 : Penawaran program TVET

Carta di atas menunjukkan hanya 15 (5.8%) dan 56 (21.5%) responden memilih pilihan sangat tidak setuju dan tidak setuju. Manakala majoriti dengan bilangan 111 responden (42.7%) dan 78 responden (30.0%) memilih pilihan setuju dan sangat setuju. Ini membuktikan bahawa pelajar SPM mempunyai persepsi bahawa program TVET khusus seperti kursus teknologi berasaskan kayu adalah sangat penting dan perlu ditawarkan.

Saya percaya penawaran pendidikan teknologi berasaskan kayu pada masa ini mencukupi semua kemahiran dan bidang pengetahuan yang diperlukan dalam alam pekerjaan.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat tidak setuju	21	8.1	8.1	8.1
	tidak setuju	71	27.3	27.3	35.4
	setuju	100	38.5	38.5	73.8
	sangat setuju	68	26.2	26.2	100.0
	Total	260	100.0	100.0	

Sebanyak 36.6% syarikat telah beroperasi lebih daripada 20 tahun, menjadikannya kumpulan terbesar dalam industri ini. Kumpulan kedua terbesar ialah syarikat yang telah beroperasi selama 6 hingga 10 tahun, sebanyak 24.4%. Seterusnya, sebanyak 22.0% syarikat telah beroperasi selama 1 hingga 5 tahun, 9.8% syarikat telah beroperasi selama 16 hingga 20 tahun dan 7.3% syarikat yang telah beroperasi 11 hingga 15 tahun. Majoriti syarikat dalam industri berasaskan kayu telah beroperasi selama lebih daripada 20 tahun. Ini menunjukkan kehadiran syarikat yang stabil dalam industri ini dengan sebahagian besar syarikat telah beroperasi dalam tempoh masa signifikan.

Bilangan pekerja lepasan Diploma

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	1-50	33	80.5	80.5	80.5
	51-100	5	12.2	12.2	92.7
	101-150	1	2.4	2.4	95.1
	151-200	2	4.9	4.9	100.0
	Total	41	100.0	100.0	




Carta 56 : Bilangan pekerja lepasan Diploma

Majoriti besar, iaitu 80.5% pekerja lepasan diploma, berada dalam julat 1 hingga 50 orang. Hanya beberapa sahaja pekerja dalam julat yang lebih tinggi. Sebagai contoh, hanya 12.2% pekerja berada dalam julat 51 hingga 100 orang, dan jumlah yang sama 2.4% untuk julat 101 hingga 150 orang. lebih sedikit lagi, iaitu 4.9% tergolong dalam julat 151 hingga 200 orang. Secara keseluruhan, data ini menggambarkan bahawa sebahagian besar syarikat atau organisasi mempunyai bilangan pekerja lepasan diploma yang agak kecil, dan hanya beberapa syarikat yang menggaji lebih daripada 50 graduan.

Pendapatan bulanan pekerja lepasan Diploma

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	RM1001-RM2000	30	73.2	73.2	73.2
	RM2001 keatas	11	26.8	26.8	100.0
	Total	41	100.0	100.0	



Carta 57 : Pendapatan bulanan pekerja lepasan Diploma


Kebanyakan pekerja lepasan diploma (73.2%) memperoleh pendapatan bulanan antara RM1001 hingga RM2000. Sebahagian kecil pekerja (26.8%) menerima pendapatan lebih tinggi, iaitu melebihi RM2001. Data ini menunjukkan bahawa majoriti besar pekerja lepasan diploma berada dalam julat pendapatan yang lebih rendah.

Bahagian B: Keperluan dan kemahiran Industri

Kami tahu tentang penawaran program atau kursus – kursus teknologi berasaskan kayu yang ditawarkan di institusi pendidikan pada masa ini

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat tidak setuju	3	7.3	7.3	7.3
	tidak setuju	1	2.4	2.4	9.8
	setuju	23	56.1	56.1	65.9
	sangat setuju	14	34.1	34.1	100.0
	Total	41	100.0	100.0	

Kami tahu tentang penawaran program atau kursus – kursus teknologi berasaskan kayu yang ditawarkan di institusi pendidikan pada masa ini




Carta 58 : Penawaran program atau kursus-kursus teknologi berasaskan kayu di institusi pendidikan pada masa ini

Sebahagian besar responden (56.1%) bersetuju dan (34.1%) sangat bersetuju bahawa mereka mengetahui tentang penawaran program atau kursus teknologi berasaskan kayu di institusi pendidikan masa kini. Hanya sebilangan kecil responden (7.3%) sangat tidak setuju dan (2.4%) tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Data ini menunjukkan bahawa pengetahuan tentang program berasaskan kayu adalah meluas dalam kalangan responden, dengan majoriti besar menyedari kewujudan kursus ini.

Kami mengambil graduan yang berkemahiran dan mempunyai kecekapan dalam bidang teknologi berasaskan kayu.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat tidak setuju	2	4.9	4.9	4.9
	tidak setuju	3	7.3	7.3	12.2
	setuju	17	41.5	41.5	53.7
	sangat setuju	19	46.3	46.3	100.0
	Total	41	100.0	100.0	

Kami mengambil graduan yang berkemahiran dan mempunyai kecekapan dalam bidang teknologi berasaskan kayu.




Carta 59 : Mengambil graduan yang berkemahiran dan mempunyai kecekapan dalam bidang TBK

Sebilangan besar responden (46.3%) sangat bersetuju dan (41.5%) bersetuju bahawa mereka mengambil graduan yang berkemahiran dan mempunyai kecekapan dalam bidang teknologi berasaskan kayu. Hanya (7.3%) responden tidak setuju dan (4.9%) sangat tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden mengakui bahawa kemahiran dan kecekapan graduan penting dalam industri berasaskan kayu.

Kami memerlukan para graduan yang mempunyai kemahiran teknikal atau bidang pengetahuan tentang perkayuan.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat tidak setuju	1	2.4	2.4	2.4
	tidak setuju	3	7.3	7.3	9.8
	setuju	12	29.3	29.3	39.0
	sangat setuju	25	61.0	61.0	100.0
	Total	41	100.0	100.0	

Kami memerlukan para graduan yang mempunyai kemahiran teknikal atau bidang pengetahuan tentang perkayuan.




Carta 60 : Keperluan para graduan yang mempunyai kemahiran teknikal atau bidang perkayuan

Sebahagian besar responden (61.0%) sangat bersetuju dan (29.3%) bersetuju bahawa graduan dengan kemahiran teknikal atau pengetahuan dalam bidang perkayuan diperlukan, manakala hanya (7.3%) responden tidak bersetuju dan (2.4%) sangat tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa kemahiran teknikal dan pengetahuan dalam bidang perkayuan sangat diperlukan dalam industri ini, dengan majoriti responden mengakui kemahiran teknikal dan bidang pengetahuan tentang perkayuan itu sangat penting di dalam sektor pekerjaan.

**Pengalaman latihan praktikal di industri adalah menjadi
keutamaan kami dalam memilih calon untuk bekerja di syarikat
kami.**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tidak setuju	3	7.3	7.3	7.3
	setuju	15	36.6	36.6	43.9
	sangat setuju	23	56.1	56.1	100.0
	Total	41	100.0	100.0	

Pengalaman latihan praktikal di industri adalah menjadi keutamaan kami dalam memilih calon untuk bekerja di syarikat kami.



Carta 61 : Pengalaman latihan praktikal


Sebahagian besar responden (56.1%) sangat bersetuju dan (36.6%) bersetuju bahawa pengalaman Latihan praktikal di industri adalah penting dalam memilih calon pekerja. Hanya sebilangan kecil responden (7.3%) yang tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa pengalaman praktikal dalam industri dianggap sebagai satu kriteria penting oleh kebanyakan Syarikat dalam proses pengambilan pekerja.

Bahagian C: Kerjasama antara industri dan politeknik

Industri perlu terlibat dalam sebarang kerjasama atau perkongsian dengan institusi pendidikan yang menawarkan program diploma berasaskan kayu

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	setuju	18	43.9	43.9	43.9
	sangat setuju	23	56.1	56.1	100.0
	Total	41	100.0	100.0	

Industri perlu terlibat dalam sebarang kerjasama atau perkongsian dengan institusi pendidikan yang menawarkan program diploma berasaskan kayu




Carta 62 : Keperluan terlibat dalam sebarang kerjasama atau perkongsian dengan institusi pendidikan

Sebahagian besar responden (43.9%) bersetuju bahawa industri perlu terlibat dalam sebarang kerjasama atau perkongsian dengan institusi pendidikan yang menawarkan program diploma berasaskan kayu dengan menyoriti besar (56.1%) sangat bersetuju. Ini menunjukkan bahawa industri perlu terlibat dalam sebarang kerjasama atau perkongsian dengan institusi pendidikan.

Kerjasama atau perkongsian dari industri diperlukan untuk memanfaatkan dan merapatkan jurang antara akademik dan industri dalam sektor berasaskan kayu

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	setuju	16	39.0	39.0	39.0
	sangat setuju	25	61.0	61.0	100.0
	Total	41	100.0	100.0	

Kerjasama atau perkongsian dari industri diperlukan untuk memanfaatkan dan merapatkan jurang antara akademik dan industri dalam sektor berasaskan kayu




Carta 63 : Kerjasama atau perkongsian dari industri

Jadual menunjukkan bahawa 39.0% responden bersetuju bahawa kerjasama atau perkongsian daripada industri diperlukan untuk merapatkan jurang antara akademik dan industri dalam sektor berasaskan kayu, dan 61.0% sangat bersetuju. Ini menunjukkan bahawa majoriti yang besar melihat kerjasama atau perkongsian dari industri diperlukan untuk memanfaatkan dan merapatkan jurang antara akademik dan industri dalam sektor berasaskan kayu.

Industri perlu menyediakan latihan amali atau penempatan industri untuk pelajar yang mendaftar dalam program diploma berasaskan kayu.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat tidak setuju	1	2.4	2.4	2.4
	tidak setuju	3	7.3	7.3	9.8
	setuju	13	31.7	31.7	41.5
	sangat setuju	24	58.5	58.5	100.0
	Total	41	100.0	100.0	

Industri perlu menyediakan latihan amali atau penempatan industri untuk pelajar yang mendaftar dalam program diploma berasaskan kayu.




Carta 64 : Menyediakan latihan amali atau penempatan industri

Data menunjukkan bahawa majoriti pelajar (58.5%) sangat bersetuju bahawa latihan amali atau penempatan industri untuk pelajar yang mendaftar dalam program diploma berasaskan kayu adalah penting. Ini diikuti oleh (31.7%) yang bersetuju. Hanya (7.3%) responden tidak bersetuju dan (2.4%) responden sangat tidak setuju tentang keperluan penyediaan Latihan amali atau penempatan industri untuk pelajar yang mendaftar dalam program diploma berasaskan kayu.

Terdapat permintaan yang tinggi dari industri kayu untuk tenaga kerja yang mempunyai kemahiran diploma yang khusus dalam bidang pengeluaran kayu.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tidak setuju	4	9.8	9.8	9.8
	setuju	17	41.5	41.5	51.2
	sangat setuju	20	48.8	48.8	100.0
	Total	41	100.0	100.0	

Terdapat permintaan yang tinggi dari industri kayu untuk tenaga kerja yang mempunyai kemahiran diploma yang khusus dalam bidang pengeluaran kayu.




Carta 65 : Terdapat permintaan yang tinggi untuk tenaga kerja yang mempunyai kemahiran

Carta pai menunjukkan bahawa (48.8%) responden sangat bersetuju bahawa permintaan tinggi untuk tenaga kerja yang mempunyai kelayakan diploma dalam bidang pengeluaran kayu. (41.5%) bersetuju dan (9.8%) tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa terdapat permintaan yang tinggi dari industri kayu untuk tenaga kerja yang mempunyai kemahiran atau diploma yang khusus dalam bidang pengeluaran kayu.

Kemahiran yang paling diutamakan oleh industri kayu bagi graduan program diploma teknologi berasaskan kayu adalah kecekapan dalam penggunaan mesin kayu, pemahaman mendalam tentang bahan kayu, dan keupayaan untuk bekerja dalam persekitaran yang berisiko.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tidak setuju	1	2.4	2.4	2.4
	setuju	19	46.3	46.3	48.8
	sangat setuju	21	51.2	51.2	100.0
	Total	41	100.0	100.0	

Kemahiran yang paling diutamakan oleh industri kayu bagi graduan program diploma teknologi berasaskan kayu adalah kecekapan dalam penggunaan mesin kayu, pemahaman mendalam tentang bahan kayu, dan keupayaan untuk bekerja dalam persekitaran yang berisiko.




Carta 66 : Kemahiran yang paling diutamakan bagi graduan program DBK

Carta pai menunjukkan bahawa majoriti (51.2%) daripada responden sangat setuju dengan kenyataan tersebut, manakala (46.3%) setuju dan (2.4%) tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa kemahiran kecekapan dalam penggunaan mesin kayu, pemahaman mendalam tentang bahan kayu, dan keupayaan untuk bekerja dalam persekitaran yang berisiko sangat diutamakan oleh industri kayu.

Program diploma teknologi berasaskan kayu dalam bidang kayu boleh menyumbang kepada peningkatan daya saing industri dengan menyediakan tenaga kerja yang berkualiti dan berdaya saing.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tidak setuju	1	2.4	2.4	2.4
	setuju	16	39.0	39.0	41.5
	sangat setuju	24	58.5	58.5	100.0
	Total	41	100.0	100.0	

Program diploma teknologi berasaskan kayu dalam bidang kayu boleh menyumbang kepada peningkatan daya saing industri dengan menyediakan tenaga kerja yang berkualiti dan berdaya saing.




Carta 67 : Program DBK boleh menyumbang kepada peningkatan daya saing industri

Jadual menunjukkan bahawa (58.5%) daripada responden sangat bersetuju bahawa program diploma teknologi berasaskan kayu boleh menyumbang kepada peningkatan daya saing industri. (39.0%) setuju, dan (2.4%) tidak setuju. Carta pai menunjukkan perkadaran yang sama, dengan segmen terbesar mewakili responden yang sangat setuju. Berdasarkan data ini, boleh disimpulkan bahawa program diploma teknologi berasaskan kayu dilihat sebagai faktor positif dalam meningkatkan daya saing industri.

Penting untuk memupuk kemahiran teknikal seperti pemasangan, pengelolaan projek, dan penyelesaian masalah, serta kemahiran insaniah seperti kerjasama, komunikasi, dan keusahawanan dalam program diploma teknologi berasaskan kayu bagi memenuhi keperluan ind

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	setuju	14	34.1	34.1	34.1
	sangat setuju	27	65.9	65.9	100.0
	Total	41	100.0	100.0	

Penting untuk memupuk kemahiran teknikal seperti pemasangan, pengelolaan projek, dan penyelesaian masalah, serta kemahiran insaniah seperti kerjasama, komunikasi, dan keusahawanan dalam program diploma teknologi berasaskan kayu bagi memenuhi keperluan ind




Carta 68 : Kepentingan untuk memupuk kemahiran teknikal

Carta pai menunjukkan bahawa majoriti (65.9%) daripada responden sangat setuju dengan kenyataan tersebut, manakala (34.1%) setuju dengan kenyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa penting untuk memupuk kemahiran teknikal seperti pemasangan, pengelolaan projek, dan penyelesaian masalah, serta kemahiran insaniah seperti kerjasama, komunikasi, dan keusahawanan di dalam program teknologi berasaskan kayu bagi memenuhi keperluan industri. Kesimpulan dari analisis data bahagian industri ini adalah majoriti syarikat menyokong pengkalan dan pengukuhan program diploma berasaskan kayu di institusi seperti politeknik. Program ini diakui penting bagi memenuhi keperluan industri, bukannya program yang perlu dipupuskan.

4.4 Perbincangan

Perbincangan ini menguraikan dapatan kajian dengan menekankan implikasinya terhadap objektif kajian yang telah ditetapkan. Hasil kajian menunjukkan bahawa perspektif pelajar SPM terhadap program DBK memainkan peranan penting dalam minat mereka untuk melanjutkan pengajian dalam bidang ini. Dapatan ini selaras dengan kajian Politeknik Kota Kinabalu yang mendapati bahawa relevansi program berperanan dalam menarik minat pelajar. Sokongan daripada industri perkayuan terhadap program ini juga mengukuhkan lagi kedudukan DBK sebagai program yang penting dalam melahirkan tenaga kerja mahir yang diperlukan dalam sektor tersebut. Oleh itu, usaha untuk meningkatkan promosi dan memperkenalkan inisiatif sokongan tambahan melalui platform media sosial boleh membantu menarik minat calon pelajar yang lebih luas dan memperkukuh potensi kerjaya graduan DBK.



Rajah 2 : Laman media sosial (Instagram) program DBK



Rajah 3 : Laman media sosial (Tiktok) program DBK

4.5 Rumusan Bab

Secara keseluruhannya , dapatan kajian ini memberikan gambaran yang jelas mengenai persepsi pelajar SPM , ibu bapa , alumni program DBK dan industri perkayuan terhadap program DBK. Berdasarkan analisis data , majoriti responden khususnya pelajar SPM melihat program ini sebagai satu pilihan akademik yang relevan dengan peluang kerjaya yang berpotensi cerah. Pandangan positif ini turut disokong oleh alumni program DBK yang merasakan kemahiran praktikal yang diperoleh dalam program ini sangat membantu dalam menyediakan mereka untuk pelbagai peluang dalam industri perkayuan. Penemuan ini menunjukkan bahawa program DBK mampu memenuhi keperluan semasa serta menarik minat pelajar baharu , asalkan disertakan dengan strategi promosi dan penambahbaikan yang sesuai.

Selain itu , perspektif positif daripada pihak industri memperkukuhkan lagi peranan program DBK dalam melahirkan graduan yang berkemahiran dan sesuai untuk memenuhi permintaan tenaga kerja dalam sektor perkayuan. Implikasi daripada dapatan ini mencadangkan agar pihak institusi mempertimbangkan Kerjasama yang lebih erat dengan industri serta memperluas promosi program melalui platform media sosial bagi menarik minat calon pelajar yang lebih ramai. Kesimpulannya , dapatan dan perbincangan ini bukan sahaja memberikan pandangan berharga untuk penambahbaikan program , tetapi juga membuktikan bahawa program DBK berpotensi besar untuk menyumbang kepada Pembangunan industri perkayuan di Malaysia.

BAB 5

KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Pendahuluan

Dalam bahagian ini, laporan ini meringkaskan lagi kata kunci kepada hasil kajian kami dan seterusnya membuat kesimpulan berdasarkan hasil analisis data. Implikasi atau impak dari kajian ini dinilai dari pencapaian objektif dan juga hasil kajian ini dalam menangani masalah atau menjawab persoalan yang timbul. Secara khususnya, cadangan ditawarkan pada akhir kajian ini untuk penambahbaikan, tindakan, atau penyelidikan yang lebih mendalam pada masa depan berdasarkan kesimpulan yang dibuat.

5.2 Kesimpulan Kajian

Kesimpulan Perspektif Pelajar SPM :

Analisis data yang didapati menunjukkan bahawa responden dalam kalangan pelajar SPM menganggap program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK) masih relevan dan wajar diteruskan. Tanggapan positif ini mencerminkan keyakinan mereka terhadap potensi program ini dalam menyediakan kemahiran dan pengetahuan yang sesuai dengan tuntutan industri semasa. Namun begitu, pelajar SPM kurang sedar mengenai program DBK. Oleh itu, dengan pelaksanaan inisiatif yang tepat, seperti promosi yang lebih luas di platform media sosial, program ini berpotensi untuk menarik minat lebih ramai pelajar dan meningkatkan kesedaran mengenai peluang kerjaya dalam bidang teknologi berasaskan kayu. Ini disebabkan ramai pelajar aktif menggunakan media sosial dalam kehidupan harian mereka. Selain itu, kempen dan ceramah mengenai DBK juga dapat mempromosikan program DBK ini dan menarik minat ramai pelajar untuk menceburi bidang ini. Ini disebabkan pelajar dapat tahu mengenai skop pekerjaan yang dapat diceburi dengan mempelajari program DBK ini.

Kesimpulan Perspektif Ibu Bapa :

Kesimpulan bagi perspektif ibu bapa adalah majoriti ibu bapa memberikan persepsi yang positif terhadap program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK). Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan besar ibu bapa yang masih tidak mengetahui prospek atau isi kandungan program ini, yang menimbulkan kebimbangan kerana ia mungkin mempengaruhi keputusan mereka dalam menyokong pemilihan program oleh anak-anak. Hasil analisis juga menunjukkan bahawa ibu bapa berpendapat punca utama penurunan kemasukan pelajar ke program DBK adalah kurangnya pendedahan mengenai program ini di peringkat sekolah. Bagi mengatasi isu ini, majoriti ibu bapa mencadangkan agar usaha promosi dipertingkatkan melalui platform media sosial seperti TikTok dan Instagram, yang lebih relevan dengan trend semasa. Sebilangan ibu bapa juga mencadangkan penganjuran karnival sebagai salah satu inisiatif untuk meningkatkan kesedaran dan menarik minat pelajar serta keluarga. Kesimpulannya, strategi komunikasi yang lebih efektif dan relevan dengan sasaran yang dituju perlu dilaksanakan, terutamanya melalui media sosial, untuk meningkatkan pengetahuan ibu bapa dan pelajar tentang program DBK dan prospeknya.

Kesimpulan Perspektif Alumni program DBK :

Kajian ini menunjukkan bahawa industri TBK mempunyai banyak potensi untuk berkembang, terutamanya dalam bidang reka bentuk, pembangunan dan pembuatan produk. Program ini menawarkan laluan kerjaya yang lebih baik yang relevan dengan trend semasa dan mencipta graduan yang bersedia untuk menghadapi cabaran dalam industri. Responden berpendapat bahawa program TBK masih lagi relevan dan tenaga mahir dari graduan program TBK tersendiri masih lagi diperlukan dalam industri perkayuan negara. Walau bagaimanapun, usaha penjenamaan semula dan promosi program perlu ditingkatkan untuk memastikan ia kekal relevan dan menarik kepada generasi muda serta membantu industri perkayuan berkembang.

Kesimpulan Perspektif Industri Perkayuan :

Kajian ini mendapati bahawa industri berasaskan kayu didominasi oleh sektor swasta, yang memainkan peranan utama dalam menggerakkan operasi industri. Majoriti syarikat yang terlibat mempunyai tempoh operasi yang panjang, dengan sebahagian besar telah beroperasi lebih dari 20 tahun. Ini menunjukkan kestabilan dan kehadiran jangka panjang syarikat-syarikat dalam industri ini. Walau bagaimanapun, analisis ini juga mendapati bahawa jumlah pekerja lepasan diploma yang diambil bekerja dalam industri ini adalah kecil, di mana majoriti syarikat menggaji kurang daripada 50 orang pekerja lepasan diploma. Tambahan pula, kebanyakan pekerja lepasan diploma menerima pendapatan yang berada dalam julat rendah hingga sederhana, dengan majoriti memperoleh antara RM1001 hingga RM2000 sebulan. Ini menunjukkan terdapat kekangan dalam peluang kenaikan pendapatan bagi pekerja dalam sektor ini. Penemuan ini membawa implikasi penting terhadap cabaran dalam menarik minat pelajar untuk mengikuti program dalam bidang teknologi berasaskan kayu. Kekurangan penglibatan sektor kerajaan dan struktur gaji yang rendah mungkin menjadi faktor penyumbang kepada penurunan pendaftaran pelajar dalam program ini. Oleh itu, tindakan proaktif diperlukan, termasuk langkah-langkah untuk meningkatkan daya tarikan industri ini melalui penambahbaikan pendapatan, sokongan daripada sektor kerajaan, serta penyediaan latihan khusus yang boleh menambah nilai kepada pekerja dan industri. Secara keseluruhan, kajian ini mencadangkan bahawa walaupun industri

berasaskan kayu adalah sektor yang stabil dan berpengalaman, langkah-langkah pembaharuan perlu diambil untuk memastikan daya tarikan jangka panjang industri ini kepada tenaga kerja muda yang berkualiti. Selain itu, industri juga mencadangkan untuk meluaskan lagi bidang perkayuan dengan menggunakan sektor media sosial seperti tiktok dan instagram untuk menarik minat pelajar untuk mengenali lebih mendalam tentang bidang perkayuan ini dan untuk bidang perkayuan ini lebih dikenali ramai oleh masyarakat.

5.3 Cadangan Penambahbaikan Kajian

Cadangan kami dalam usaha menambahbaik kajian ini adalah dengan mempelbagaikan teknik pengumpulan data iaitu menggabungkan teknik pengumpulan data melalui soal selidik dan juga temu bual. Hal ini kerana sampel yang berbeza memerlukan penggunaan teknik pengumpulan data yang berbeza. Bagi pihak alumni dan juga pelajar, kaedah pengumpulan data melalui soal selidik antara kaedah yang paling sesuai. Manakala untuk pihak ibu bapa, dengan menggabungkan kaedah pengumpulan data melalui soal selidik dan juga temubual atau perjumpaan ibu bapa merupakan kaedah yang paling sesuai. Dan akhir sekali untuk pihak industri, kami mendapati bahawa kaedah pengumpulan data melalui kaedah temubual adalah kaedah yang terbaik. Dengan menggunakan kaedah pengumpulan data yang sesuai, hasil dapatan akan lebih mudah diperolehi daripada sampel.

5.4 Rumusan

Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK) masih relevan dan berpotensi untuk menyediakan kemahiran yang diperlukan dalam industri perkayuan. Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan kesedaran tentang program ini di kalangan pelajar SPM dan ibu bapa, yang mencadangkan agar promosi lebih meluas dilakukan melalui media sosial dan kempen di sekolah untuk menarik minat mereka. Industri perkayuan juga berdepan dengan cabaran kekurangan tenaga kerja lepasan diploma, dengan peluang kenaikan pendapatan yang terhad. Oleh itu, langkah-langkah pembaharuan perlu diambil, termasuk penambahbaikan dalam struktur gaji, sokongan sektor kerajaan, serta promosi program DBK yang lebih efektif untuk memastikan daya tarikan jangka panjang kepada generasi muda dan memperkukuhkan industri ini.

RUJUKAN

Politeknik Kota Kinabalu. (2012). Program Needed Analysis (PNA) for Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK). Politeknik Kota Kinabalu, Sabah: Biro Penyelidikan dan Inovasi.

S Roopa & MS Rani (2012). Questionnaire Designing for a Survey. The Journal of Indian Orthodontic Society , October-December 2012;46(4):273-277.
<https://journals.sagepub.com/doi/abs/10.5005/jp-journals-10021-1104>

E Martin (2006). Survey questionnaire construction. U.S. Census Bureau.
<https://www.census.gov/content/dam/Census/library/working-papers/2006/adrm/rsm2006-13.pdf>

J.p. Verma (2012). Data analysis in management with SPSS software.
https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=fhcQRQAWmjgC&oi=fnd&pg=PR7&dq=SPSS+software&ots=nPc1RzEg10&sig=7KP_lvg8AlgFsW65u1S-f2DU7C4&redir_esc=y#v=onepage&q=SPSS%20software&f=false

J Bala (2016). Contribution of SPSS in Social Sciences Research. International Journal of Advanced Research in Computer Science , 2016 , Vol 7 , Issue 6 , p250.
https://openurl.ebsco.com/EPDB%3Aged%3A8%3A4474088/detailv2?sid=ebsco%3Aplink%3Ascholar&id=ebsco%3Aged%3A120058221&cr=c&link_origin=scholar.google.com

Tiarma Intan Marpaung , Christian Neni Purba & Dameasi Bulan Lumbangaol (2023) IMPROVING STUDENTS' ABILITY IN FORMULATING RESEARCH INTRODUCTION THROUGH SCIENTIFIC APPROACH. Vol.4 No. 1 Juni 2023 , 375-384.
https://ejournal.undhari.ac.id/index.php/de_journal/article/download/1104/471

HM Barnes (1979). Education in wood science and technology : A status report. Wood and Fiber, 10(4) , 1979 , pp 243-258.
<http://wfs.swst.org/index.php/wfs/article/view/98>

Robert Ogbanje Okwori & Isaac Kehi Nde Oluwasegun (2017). STRATEGIES FOR STRENGTHENING STUDENTS' ENROLMENT IN WOODWORK TECHNOLOGY EDUCATION OF FEDERAL UNIVERSITY OF TECHNOLOGY , MINNA NIGERIA.

<https://www.academia.edu/download/59360457/JOSTMED20190522-58790-1q8k9vz.pdf#page=204>

Ratnasingam, J., Jegathesan, N., Ab Latib, H., Yi, L. Y., Mariapan, M., Ioras, F., and Abdul Azim, A. A. (2021). "Effectiveness of online teaching and learning of wood Science and technology courses during the COVID-19 pandemic: Early evidences from a survey of Malaysian universities," BioResources 16(1), 403-416.

<https://bioresources.cnr.ncsu.edu/resources/science-and-technology-courses-during-the-covid-19-pandemic-early-evidences-from-a-survey-of-malaysian-universities/>

Ratnasingam, J., Ab Latib, H., Choon Liat, L., Mariapan, M., Jegatheswaran, N., Othman, K., and Amir, M. A. (2022). "Public perception of the wood products industry in Malaysia and its implication on the future workforce," BioResources 17(2), 2097-2115.

<https://bioresources.cnr.ncsu.edu/resources/public-perception-of-the-wood-products-industry-in-malaysia-and-its-implication-on-the-future-workforce/>

Mohd Yazit, Tengku Nursyarah Bariah (2003) Pembentukan dan penilaian indikator bengkel kayu kejuruteraan awam cemerlang: satu kajian di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

<https://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/8010>

Noor Azilah Mohamad Ali , Rozihanim Shekh Zain & Syahzliana Kasim (2023). Bidang kerjaya : pilihan anak anak atau ibubapa ?.

<https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/91765/>

Triya Rulliyanti , Sudarmin , Woro Sumarni , Miftahul Ulum (2021). The development of questionnaire instrument assisted by Google Form application to measure students' cep characters on the stem integrated chemistry module.

<https://www.atlantispress.com/proceedings/iset-20/125964368>

Khadijah Alavi , Rahim Md.Sail & Abd Hair Awang (2011). Work Esteem And Re-branding Of Technical education And Vocational Training Froom The Perspective of Parents , Teachers And Apprentice. Vol.3 No.2 (2011).

<https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/JTET/article/view/337/0>

Hina Ayub (2017). Parental Influence and Attitude of Students towards Technical Education and Vocational Training. Vol.7 , No.7 , July2017.

<https://www.ijiet.org/vol7/925-ME1001.pdf>

LAMPIRAN 1

Questionnaire Perspektif Pelajar SPM



BORANG SOAL SELIDIK

NAMA	NO. MATRIK
NUR ALYA HAYANI BINTI AZRI	08DBK22F1007
NUR ALYA SYUHADA BINTI RADZALI	08DBK22F1013
SOFIA MAISARAH BINTI MOHD REFENDI	08DBK22F1043
DARSANAA A/P MANOGARAN	08DBK22F1070

**TAJUK : ANALISA KEPERLUAN PROGRAM DIPLOMA TEKNOLOGI
BERASASKAN KAYU DI POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL
AZIZ SHAH, SHAH ALAM (PSA) : SATU KAJIAN**

QUESTIONNAIRE

Soal Selidik ini bertujuan untuk mengkaji keperluan program program diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK) di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, (PSA). Persoalannya, apakah persepi pelajar SPM terhadap kursus Teknologi Berasaskan Kayu (DBK) yang merupakan salah satu kursus di pengajian tinggi.

BAHAGIAN A:DEMOGRAFI RESPONDEN

Sila tandakan (✓) pada petak yang berkenaan.

MAKLUMAT DIRI RESPONDEN

1. Jantina

(1-Lelaki 2-Perempuan)

1 ()

2 ()

2. Bidang pengajian

(1-Aliran sains tulen 2-Aliran Sains Teknikal 3-Aliran Perniagaan

4-Aliran Akaun 5- Aliran Seni 6-Aliran Ekonomi 7-Aliran Agama)

1 ()

2 ()

3 ()

4 ()

5 ()

6 ()

7 ()

BAHAGIAN B: PERSEPSI PELAJAR SPM

ARAHAN: Sila tandakan (/) pada petak berkenaan mengikut skala yang dinyatakan.

1	2	3	4
Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju

Bil	Pernyataan	1	2	3	4
1.	Saya tahu tentang penawaran program atau kursus-kursus teknologi berasaskan kayu yang ditawarkan di institusi pendidikan pada masa ini.				
2.	Saya akan mempertimbangkan untuk meneruskan kerjaya atau pendidikan dalam bidang teknologi berasaskan kayu.				
3.	Bidang yang terdapat di dalam program teknologi berasaskan kayu menarik minat saya untuk sambung pengajian. (contohnya: sains perkayuan, reka bentuk dan inovasi produk, pemprosesan kayu, pengurusan, penghasilan kertas, pembuatan perabot).				
4.	Saya percaya bahawa terdapat permintaan untuk profesional dengan kepakaran dalam teknologi berasaskan kayu di pasaran kerja pada hari ini.				
5.	Saya yakin bahawa graduan akan mempunyai pelbagai laluan kerjaya yang tersedia untuk mereka				
6.	Adalah sangat penting bagi institusi pendidikan untuk menawarkan program-program TVET khusus seperti kursus teknologi berasaskan kayu.				
7.	Saya percaya penawaran pendidikan teknologi berasaskan kayu pada masa ini mencukupi semua kemahiran dan bidang pengetahuan yang diperlukan dalam alam pekerjaan.				
8.	Saya percaya pelajar akan menghadapi sedikit cabaran dalam program teknologi berasaskan kayu ini.				
9.	Saya yakin bahawa kursus teknologi berasaskan kayu akan memberi impak positif yang signifikan kepada industri-industri perkayuan.				
10.	Saya berminat untuk menyertai program-program yang berkaitan dengan kursus teknologi berasaskan kayu.				

BAHAGIAN C

ARAHAN : Sila tandakan (✓) pada petak yang berkenaan.

1. Sebab-sebab tidak ingin memasuki program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu.

Kebimbangan tentang kerja fizikal ()

Pengaruh keluarga ()

Kekurangan promosi dan kesedaran ()

Streotaip dan stigma ()

Minat berlainan ()

2. Medium yang berkesan untuk mewujudkan kesedaran mengenai program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu kepada pelajar SPM

Media sosial ()

Media cetak ()

Media elektronik ()

Kempen ()

Pensyarah jemputan ()

Seminar dan bengkel ()

LAMPIRAN 2

Questionnaire Perspektif Ibu bapa



BORANG SOAL SELIDIK

NAMA	NO.MATRIK
NUR ALYA HAYANI BINTI AZRI	08DBK22F1007
NUR ALYA SYUHADA BINTI RADZALI	08DBK22F1013
SOFIA MAISARAH BINTI MOHD REFINDI	08DBK22F1043
DARSANAA A/P MANOGARAN	08DBK22F1070

**TAJUK : ANALISA KEPERLUAN PROGRAM DIPLOMA BERASASKAN KAYU DI
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH (IBU BAPA SEKOLAH
BAGI PELAJAR TINGKATAN 5 / SPM): SATU KAJIAN**

QUESTIONNARE

Soal selidik ini bertujuan untuk menilai program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK) di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Bagi memastikan keperluan program dipenuhi serta mempertingkatkan kualiti tenaga mahir bagi bakal pelajar DBK. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai pandangan atau pendapat ibubapa bagi pelajar tingkatan 5 / SPM terhadap program DBK dalam mempersiapkan mereka memasuki alam pengajian tinggi .

BAHAGIAN A : DEMOGRAFI

MAKLUMAT DIRI IBU BAPA

1. Umur anda :

- ☐ Berumur kurang daripada 30 tahun
- ☐ 30 – 40 tahun
- ☐ 41 – 50 tahun
- ☐ Lebih daripada 50 tahun

2. Jantina :

- ☐ Lelaki
- ☐ Perempuan

3. Pengajian tertinggi yang anda capai?

- ☐ Tidak tamat sekolah
- ☐ Sekolah Rendah / Sekolah Rendah Agama (SRA)
- ☐ Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) / Sekolah Berasrama Penuh (SBP)
- ☐ Kolej Vokasional
- ☐ Diploma / Sijil
- ☐ Ijazah Sarjana Muda
- ☐ Lulusan Ijazah

4. Pekerjaan :

- ☐ Penjawat Awam
- ☐ Pekerja Sektor Swasta
- ☐ Petani / Nelayan
- ☐ Kerja Sambilan (Part-Time)
- ☐ Tidak Bekerja
- ☐ Lain-lain : _____

5. Pendapatan Bulanan Keluarga :

- ☐ Bawah RM 1 000
- ☐ RM 1 001 – RM 2 000
- ☐ RM 2 001 – RM 3 000
- ☐ RM 3 001 – RM 4 000
- ☐ RM 4 001 – RM 5 000
- ☐ Melebihi RM 5 000

6. Bilangan anak yang sedang atau telah berada pada Tingkatan 5 / SPM :

- ☐ 1
- ☐ 2
- ☐ 3
- ☐ Lebih daripada 3

7. Status perhubungan dengan anak yang berada pada Tingkatan 5 / SPM :

- ☐ Ayah
- ☐ Ibu
- ☐ Penjaga

8. Adakah anda atau anak anda mengetahui tentang program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK) di institusi pengajian tinggi atau di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) ?

- ☐ Ya
- ☐ Tidak

BAHAGIAN B : PANDANGAN / PERSPEKTIF

ARAHAN: Sila tandakan (/) pada petak berkenaan mengikut skala yang dinyatakan.

1	2	3	4
Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju

Bil	Pernyataan	1	2	3	4
1.	Saya tahu tentang penawaran program atau kursus-kursus teknologi berasaskan kayu yang ditawarkan di institusi pendidikan pada masa ini.				
2.	Saya merasakan program ini kurang popular di sekolah anak saya .				
3.	Saya mengetahui ciri dan pengkhususan utama yang ditawarkan dalam program DBK di PSA.				
4.	Saya mengetahui kemahiran dan pengetahuan khusus yang diperoleh pelajar program DBK .				
5.	Saya mengetahui terdapat peluang untuk latihan praktikal dan pengalaman praktikal dalam program ini.				
6.	Saya mengetahui perkhidmatan sokongan yang tersedia untuk pelajar dari segi bantuan akademik , bimbingan kerjaya dan pembangunan peribadi .				
7.	Saya mengetahui program ini memastikan graduan dilengkapi dengan teknologi terkini dan trend industri dalam teknologi berasaskan kayu .				
8.	Saya mengetahui prospek untuk melanjutkan pelajaran atau kemajuan kerjaya selepas menamatkan program DBK.				
9.	Saya mengetahui jenis kemahiran akademik dan praktikal yang saya fikir penting untuk pelajar yang mengikuti program DBK.				
10.	Saya mengetahui peluang kerjaya dan potensi pertumbuhan untuk graduan program DBK .				
11.	Saya mengetahui kemudahan , makmal dan sumber utama yang tersedia untuk pelajar yang mengikuti program DBK di PSA.				
12.	Saya mengetahui jenis perkongsian industri atau latihan amali yang saya percaya akan meningkatkan pengalaman pembelajaran dan kebolehpasaran pelajar dalam program DBK.				

13. Pada pendapat anda, apakah cabaran atau halangan yang menghalang lebih ramai pelajardaripada mengikuti program DBK di PSA ?

14. Pada pendapat anda, bagaimanakah program DBK boleh dipromosikan dengan lebih baik untuk meningkatkan kesedaran dan minat dalam kalangan pelajar SPM dan ibu bapa mereka?

- ☐ Aplikasi Tiktok atau Instagram
- ☐ Karnival
- ☐ Seminar
- ☐ Lain-lain : _____

LAMPIRAN 3

Questionnaire Perspektif Alumni program DBK

KAJIAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN TEKNOLOGI BERASASKAN KAYU

BAHAGIAN A (LATAR BELAKANG RESPONDEN)

1. Sila nyatakan tahun anda bergraduate

Antara tahun 2000 hingga tahun 2005 [1]

Antara tahun 2006 hingga tahun 2010 [2]

Antara tahun 2011 hingga tahun 2015 [3]

Antara tahun 2016 hingga tahun 2020 [4]

Antara tahun 2021 hingga tahun 2024 [5]

2. Jantina

Lelaki [1]

Perempuan [2]

3. Sektor pekerjaan anda terkini

Tidak bekerja [1]

Sektor Awam [2]

Sektor Swasta [3]

Melanjutkan pelajaran [4]

Usahawan (berniaga sendiri) [5]

4. Pendapatan bulanan anda terkini

Kurang dari RM2000 [1]

RM2001 hingga RM3500 [2]

RM3501 hingga RM5000 [3]

RM5001 hingga RM6500 [4]

RM6501 hingga RM8000 [5]

Melebihi RM8000 [6]

5. Usia anda

- | | |
|--------------------------|-------|
| 22 tahun hingga 25 tahun | [1] |
| 26 tahun hingga 30 tahun | [2] |
| 31 tahun hingga 35 tahun | [3] |
| 36 tahun hingga 40 tahun | [4] |
| Melebihi 40 tahun | [5] |

BAHAGIAN B (KAITAN PROGRAM TBK DALAM KERJAYA)

6. Adakah pekerjaan anda terkini berkaitan dalam bidang Teknologi Berasaskan Kayu

- TIDAK [1]
YA [2]

(Jika anda menjawab TIDAK, sila terus ke BAHAGIAN C)

7. Apakah bidang TBK yang paling dominan dalam pekerjaan anda sekarang?

- | | |
|---|-------|
| Wood Science (Cth: Dendrology, Anatomi, Komposit, Forestry) | [1] |
| Wood Engineering (Cth : Mekanik Struktur) | [2] |
| Product Design, Development and Manufacturing (Cth AutoCAD, Product Design, CNC, Furniture Making) | [3] |
| Management (Cth: Statistik, Marketing, Product Management) | [4] |

8. Melalui pengalaman anda, apakah bidang TBK yang menjadi trend pada masa kini dalam industry perkayuan negara?

- | | |
|---|-------|
| Wood Science (Cth: Dendrology, Anatomi, Komposit, Forestry) | [1] |
| Wood Engineering (Cth : Mekanik Struktur) | [2] |
| Product Design, Development and Manufacturing (Cth AutoCAD, Product Design, CNC, Furniture Making) | [3] |
| Management (Cth: Statistik, Marketing, Product Management) | [4] |

9. Melalui pengalaman anda, adakah bidang TBK ini memudahkan anda memperoleh laluan peningkatan kerjaya yang lebih tinggi?

- | | |
|---------------------|-------|
| Sangat tidak setuju | [1] |
| Tidak setuju | [2] |
| Tidak Pasti | [3] |
| Setuju | [4] |
| Sangat Setuju | [5] |

10. Pada pandangan anda, adakah bidang TBK ini perlu ditambah baik dengan penawaran sijil kompetensi tambahan seperti Sijil Kemahiran Malaysia dan seumpamanya?
- | | |
|---------------------|-------|
| Sangat tidak setuju | [1] |
| Tidak setuju | [2] |
| Tidak Pasti | [3] |
| Setuju | [4] |
| Sangat Setuju | [5] |
11. Pada pendapat anda, adakah bidang TBK ini mampu menyiapkan diri anda kearah menceburi bidang keusahawanan?
- | | |
|---------------------|-------|
| Sangat tidak setuju | [1] |
| Tidak setuju | [2] |
| Tidak Pasti | [3] |
| Setuju | [4] |
| Sangat Setuju | [5] |
12. Pada pendapat anda, apakah bidang softskills yang amat diperlukan dalam sektor pekerjaan anda sekarang? (pilih mana-mana DUA yang berkaitan)
- | | |
|---------------------------------|-------|
| Kemahiran berkomunikasi | [1] |
| Kemahiran penulisan laporan | [2] |
| Kemahiran dalam kepimpinan | [3] |
| Kemahiran menyelesaikan masalah | [4] |
13. Pada pendapat anda, adakah bidang TBK ini masih relevan dengan kehendak industry semasa?
- | | |
|-------|-------|
| Tidak | [1] |
| Ya | [2] |
14. Pada pendapat anda, adakah nama program Teknologi Berasaskan Kayu perlu dikekalkan atau perlu diubah dan dijenamakan semula?
- | | |
|-------------------------------------|-------|
| Perlu Dikekalkan | [1] |
| Perlu Diubah dan dijenamakan semula | [2] |
15. Sebagai seorang alumni TBK, adakah anda akan bersetuju untuk mempromosikan Program TBK ini kepada saudara-mara / rakan taulan anda sebagai satu prospek pilihan kerjaya kepada mereka?
- | | |
|---------------------|-------|
| Sangat tidak setuju | [1] |
| Tidak setuju | [2] |
| Tidak Pasti | [3] |
| Setuju | [4] |
| Sangat Setuju | [5] |

LAMPIRAN 4

Questionnaire Perspektif Industri Perkayuan



BORANG SOAL SELIDIK

NAMA	NO.MATRIK
NUR ALYA HAYANI BINTI AZRI	08DBK22F1007
NUR ALYA SYUHADA BINTI RADZALI	08DBK22F1013
SOFIA MAISARAH BINTI MOHD REFINDI	08DBK22F1043
DARSANAA A/P MANOGARAN	08DBK22F1070

TAJUK : ANALISA KEPERLUAN PROGRAM DIPLOMA BERASASKAN KAYU DI
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH (SYARIKAT) : SATU
KAJIAN

QUESTIONNAIRE

Soal selidik ini bertujuan untuk mengkaji Program diploma teknologi berasaskan kayu di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah mengalami penurunan yang ketara dalam pendaftaran dalam beberapa kebelakangan ini. Oleh itu, surat selidik ini ialah bertujuan untuk menyelidiki faktor-faktor yang menyumbang kepada penurunan ini dan mencadangkan strategi yang berpotensi untuk mengatasi faktor tersebut.

BAHAGIAN A : DEMOGRAFI

MAKLUMAT DIRI SYARIKAT INDUSTRI

1. Sektor:

- ☐ Swasta [1]
- ☐ Kerajaan [2]

2. Berapa lamakah syarikat beroperasi dalam industri berasaskan kayu?

- ☐ 1-5 [1]
- ☐ 6-10 [2]
- ☐ 11-15 [3]
- ☐ 16-20 [4]

3. Bilangan pekerja Lulusan Diploma:

- ☐ 1-50 [1]
- ☐ 51-100 [2]
- ☐ 101-150 [3]
- ☐ 151-200 [4]

4. Pendapatan bulanan pekerja lulusan Diploma:

- ☐ Bawah RM1000 [1]
- ☐ RM1001 – RM2000 [2]
- ☐ RM2000 keatas [3]

BAHAGIAN B : KEPERLUAN DAN KEMAHIRAN INDUSTRI

ARAHAN: Sila tandakan (/) pada petak berkenaan mengikut skala yang dinyatakan.

1	2	3	4
Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju

Bil	Pernyataan	1	2	3	4
1.	Kami tahu tentang penawaran program atau kursus – kursus teknologi berasaskan kayu yang ditawarkan di institusi pendidikan pada masa ini				
1.	Kami mengambil graduan yang berkemahiran dan mempunyai kecekapan dalam bidang teknologi berasaskan kayu.				
2.	Kami memerlukan para graduan yang mempunyai kemahiran teknikal atau bidang pengetahuan tentang perkayuan.				
3.	Pengalaman latihan praktikal di industri adalah menjadi keutamaan kami dalam memilih calon untuk bekerja di syarikat kami.				

BAHAGIAN C: KERJASAMA INDUSTRI DAN POLITEKNIK

ARAHAN: Sila tandakan (/) pada petak berkenaan mengikut skala yang dinyatakan

Bil	Penyataan	1	2	3	4
1.	Industri perlu terlibat dalam sebarang kerjasama atau perkongsian dengan institusi pendidikan yang menawarkan program diploma berasaskan kayu				
2.	Kerjasama atau perkongsian dari industri diperlukan untuk memanfaatkan dan merapatkan jurang antara akademik dan industri dalam sektor berasaskan kayu				
3.	Industri perlu menyediakan latihan amali atau penempatan industri untuk pelajar yang mendaftar dalam program diploma berasaskan kayu.				

BAHAGIAN D: LAIN-LAIN

ARAHAN: Sila tandakan (/) pada petak berkenaan mengikut skala yang dinyatakan

Bil	Penyataan	1	2	3	4
1	Terdapat permintaan yang tinggi dari industri kayu untuk tenaga kerja yang mempunyai kemahiran diploma yang khusus dalam bidang pengeluaran kayu.				
2	Kemahiran yang paling diutamakan oleh industri kayu bagi graduan program diploma teknologi berasaskan kayu adalah kecekapan dalam penggunaan mesin kayu, pemahaman mendalam tentang bahan kayu, dan keupayaan untuk bekerja dalam persekitaran yang berisiko.				
4	Program diploma teknologi berasaskan kayu dalam bidang kayu boleh menyumbang kepada peningkatan daya saing industri dengan menyediakan tenaga kerja yang berkualiti dan berdaya saing.				
5	Penting untuk memupuk kemahiran teknikal seperti pemasangan, pengelolaan projek, dan penyelesaian masalah, serta kemahiran insaniah seperti kerjasama, komunikasi, dan keusahawanan dalam program diploma teknologi berasaskan kayu bagi memenuhi keperluan industri kayu pada masa hadapan.				

BAHAGIAN E: SOALAN TAMBAHAN

Cadangan untuk penambahbaikan pada program diploma berasaskan kayu:
